

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]

SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kejayaan dan impak Insentif Pengeluaran Getah (IPG) ke atas pekebun kecil dan industri getah, dan juga berapa daripada peruntukan Bajet 2015 (RM100 juta) dan 2016 (RM200 juta) untuk insentif ini telahpun digunakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) mulai tahun 2015 dan Paras Harga Pengaktifan (PHP) bagi SMR20 telah ditambahbaik pada tahun 2016 dari purata harga getah FOB RM5.50 sekilogram ke bawah atau purata bulanan harga *cuplump* berada pada paras RM2.20 sekilogram ke bawah. Bagi membiayai IPG, Kerajaan telah memperuntukkan dana sebanyak RM200 juta.

Insentif ini juga bersifat serampang dua mata iaitu meringankan beban pekebun kecil di seluruh negara kesan dari kejatuhan harga getah, di samping memberi galakan kepada mereka untuk terus menoreh sewaktu harga getah rendah di pasaran. Ini adalah untuk memastikan bekalan bahan mentah kepada industri hiliran tidak terjejas.

Kejayaan IPG dapat dilihat dari dua (2) sudut iaitu bilangan pekebun kecil yang menuntut IPG dan penghasilan getah. Dari segi bilangan pekebun kecil, jumlah tuntutan yang telah diterima pada bulan Januari 2016 adalah seramai 77,041 orang, manakala pada bulan Mac 2016 ia telah meningkat kepada 107,930 orang.

Selain itu, insentif ini telah membolehkan pekebun kecil dengan produktiviti *cuplump* 3,000 kilogram/hektar/tahun dan purata milikan tanah 2 hektar, menikmati pendapatan bulanan sebanyak RM1,100

sebulan. Dalam kes penoreh, pada amnya pendapatan adalah dikongsi bersama dengan pemilik pada nisbah 50:50. Ini bererti pada pendapatan sebanyak RM1,100 sebulan, penoreh akan memperolehi pendapatan sebanyak RM550. Sejak IPG diaktifkan pada bulan Oktober 2015, sehingga 30 April 2016, sebanyak 107,930 permohonan telah diluluskan untuk pengagihan IPG yang melibatkan peruntukan sebanyak RM16.5 juta.

Dari segi impak pelaksanaan IPG, ianya telah membolehkan aktiviti penghasilan getah diteruskan di mana pengeluaran getah bagi tempoh Januari hingga Mac 2016 adalah sebanyak 75,448 tan berbanding sebanyak 52,400 tan dalam tempoh yang sama dalam tahun 2015. Oleh yang demikian, pelaksanaan IPG telah membolehkan para pekebun kecil meneruskan aktiviti-aktiviti penorehan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN GOOI HSIAO-
LEUNG [ALOR SETAR]**

SOALAN :

YB Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dan menyenaraikan butir-butir semua 157 projek-projek pembangunan yang belum siap dianggarkan pada kos RM6.56 bilion (seperti dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam jawapan beliau kepada soalan bertulis Parlimen saya bertarikh 23 Mac 2016), dan menjelaskan punca kelewatan untuk menyiapkan projek-projek tersebut.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut merupakan senarai/ butiran 157 program/ projek yang masih dalam pelbagai peringkat pelaksanaan:

Kementerian	Bilangan Projek	Kos Projek (RM juta)
MOF	14	320.40
JPM	14	691.32
KKLW	33	718.89
KKR	9	474.24
KPKT	10	316.96
MOTAC	3	25.13
KPM	30	491.73
MOT	1	35.00
KPDNKK	1	55.58
MOA	10	559.90
NRE	5	2,267.86
KSM	2	20.00

SULIT

Kementerian	Bilangan Projek	Kos Projek (RM juta)
KBS	6	171.99
KDN	6	176.72
KKM	9	117.74
KKMM	1	0.20
MinDef	1	26.40
KeTTHA	2	92.30
JUMLAH	157	6,562.36

Antara sebab-sebab yang dikenal pasti menyumbang kepada kelewatan pelaksanaan projek/program pembangunan adalah kelemahan pengurusan kontraktor, masalah pengalihan dan pemasangan utiliti, masalah tenaga kerja, proses pengambilan balik tanah dan penyelesaian isu setingan.

Sekian. Terima kasih.